

Mahathir harap Reagan gubal dasar dagang yang jelas

KUALA LUMPUR, Selasa— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap pentadbiran Reagan di Amerika Syarikat akan menggubal satu dasar perdagangan yang lebih jelas sama ada dasar perlindungan sepenuhnya atau sebaliknya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan, Malaysia menjangka Amerika Syarikat akan menggubal satu dasar perdagangan baru apabila Encik Ronald Reagan memulakan tugasnya sebagai Presiden Januari depan.

"Buat masa ini, kita

akan memerhati dengan teliti perkembangan yang berlaku di Amerika Syarikat selepas Encik Reagan berjaya memenangi pilihanraya presiden negara itu baru-baru ini, katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar antarabangsa mengenai peluang-peluang pelaburan dalam industri berasaskan getah di Malaysia di sini.

Bellau berpendapat, Amerika Syarikat patut menggubal satu dasar yang lebih jelas sama ada negara itu lebih cenderung kepada dasar perlindungan atau sebaliknya.

"Bagaimanapun, Kerajaan bersedia membuat perubahan atau mengubahsual dasar perdagangannya mengikut rentak yang dimainkan oleh Amerika Syarikat," tambahnya.

Mengenai kegiatan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN), Timbalan Perdana Menteri berkata, arahan pihak berkuasa terhadapnya merupakan salah satu peraturan biasa yang telah ditetapkan.

"ALIRAN kini dikehendaki menerangkan sebab-sebab mengapa ia patut terus wujud dan kerana ini merupakan salah satu peraturan yang telah ditetapkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

"Jika pihak berkuasa berpuashati dengan keterangan yang diberikan, tidak ada sebab kenapa ALIRAN tidak boleh meneruskan kegiatannya semula," jelasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia